NAMA MURID : _____ KELAS : _____

SMK CONVENT TELUK INTAN
UJIAN PENILAIAN 1/2019
PENDIDIKAN ISLAM : TINGKATAN 1 : MASA 1 JAM

BAHAGIAN A (10 Markah)

Bahagian ini mempunyai empat pilihan jawapan iaitu A, B, C atau D. Anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ucapan basmalah ?
   A. Pujian yang dikhususkan kepada Allah.
   B. Ungkapan yang mengajar kita supaya melakukan sesuatu dengan ikhlas.
   C. Rahmat dan kasih sayang Allah yang dilimpahkan kepada hamba-Nya.
   D. Pengabdian kepada Allah.

2. Berikut ialah perkara berkaitan ketaatan malaikat kepada pencipta-Nya **kecuali** …
   A. melakukan segala arahan dan suruhan Allah.
   B. tidak pernah ingkar kerana diciptakan tanpa nafsu dan keinginan.
   C. enggan tunduk memberi hormat kepada nabi Adam.
   D. melaksanakan suruhan Allah kerana takut akan-Nya.

3. Yang manakah **bukan** terdiri daripada sumber hukum dalam Islam?
   A. Al-Quran
   B. Hadis
   C. Qias
   D. Kamus

4. Berdasarkan petikan hadis dibawah, matan hadis ini terdiri daripada pengelasan hadis …….

   أنس بن مالك يقول كان رسول الله (ص) .....
   يستنجي بالماء. (البخاري)

   B. perbuatan
   C. pengakuan
   D. sifat

5. Berikut ialah ciri Islam sebagai agama fitrah, iaitu ….
   A. syumuliah
   B. rububiyyah
   C. uluhiyyah
   D. nubuwwah

6. Islam sesuai dengan fitrah manusia kerana ….
   A. umat Islam dibenarkan untuk melakukan riba'.
   B. Islam menggalakkan umatnya untuk berjudi bagi menambah rezeki.
   C. Islam melarang penzinaan untuk menjaga nasab.
   D. umat Islam dibenarkan meminum semua minuman yang memabukkan.

7. Pernyataan di bawah, merujuk kepada ……..……

   Mendapat pahala jika ditinggalkan dan tidak berdosa jika dilakukan.

8. Air Musta'mal ialah ….

A. air yang dimasuki najis.
B. air yang suci tetapi tidak boleh digunakan untuk bersuci.
C. air yang suci dan boleh digunakan untuk bersuci.
D. air yang terdedah kepada cahaya matahari.

9. Pilih pernyataan yang **salah** berkaitan riwayat hidup Rasulullah SAW.
A. Baginda mengembala kambing bersama-sama dengan saudara susuan di perkampungan Bani Sa'ad.
B. Baginda dipelihara oleh Abu Talib selepas Abdul Mutallib meninggal dunia.
C. Baginda wafat pada tahun kesebelas hijrah.
D. Dada baginda pernah dibedah oleh malaikat Jibril ketika berusia enam tahun.

10. Kita dituntut berakhlak dengan akhlak yang baik kerana …..
A. dapat meningkatkan kualiti modal insan.
B. dapat menonjolkan diri dikalangan rakan-rakan.
C. dapat memupuk sifat mazmumah.
D. terhindar dari jalan yang lurus.

*Sila bulatkan jawapan anda bagi **Bahagian A** di ruangan yang disediakan.*

1	= A =	= B =	= C =	= D =
2	= A =	= B =	= C =	= D =
3	= A =	= B =	= C =	= D =
4	= A =	= B =	= C =	= D =
5	= A =	= B =	= C =	= D =
6	= A =	= B =	= C =	= D =
7	= A =	= B =	= C =	= D =
8	= A =	= B =	= C =	= D =
9	= A =	= B =	= C =	= D =
10	= A =	= B =	= C =	= D =

BAHAGIAN B (12 MARKAH)

1. *(a)* Gariskan jawapan yang betul bagi pernyataan di bawah.

   i. (Hidayah / Panduan) ialah perkara yang paling penting dalam kehidupan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

   ii. Nabi Adam bersama isteri dibenarkan tinggal di dalam syurga untuk merasai segala (kenikmatan / kesenangan) syurga.

(2 markah)

1. *(b)* Berdasarkan p k menjauhinya.

Manusia mudah terpedaya dengan pujukan syaitan.

_____

_____

_____

_____

_____

(4 markah)

1. *(c)* Lengkapkan jadual di bawah berkaitan makhraj huruf.

No.	Pernyataan	Jawapan
i	Huruf ف دان م , ب , و ialah huruf yang keluar dari makhraj ini.	
ii	Terdapat lapan belas huruf yang keluar dari makhraj ini.	

(2 markah)

2. *(a)* Jelaskan apakah peranan hadis sebagai sumber hukum.

_____

_____

(2 markah)

2. *(b)* Tulis semula pernyataan di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

Islam memenuhi segala keperluan fitrah manusia untuk kebahagiaan dunia akhirat.

_____

_____

BAHAGIAN C (8 MARKAH) (2 markah)

3. *(a)* Lengkapkan ruangan kosong di bawah dengan jawapan yang betul.

beragama	bayi
berdoa	makhluk

i. Fitrah kejadian manusia mengakui keperluan _____.

ii. Setiap _____ yang lahir berada dalam keadaan fitrah, iaitu mengakui kebenaran tauhid.

(2 markah)

3. *(b)* Suaikan ciri-ciri Islam di bawah dengan maksudnya yang betul.

Waqi'iyyah	Agama yang lengkap dan memenuhi semua keperluan hidup.
'Alamiyyah	Agama yang sesuai diamalkandi semua tempat dan sepanjang zaman.
	Agama yang sesuai diamalkan oleh semua bangsa dan budaya.

(2 markah)

Terjemahan : Maka hadapkanlah dirimu ke arah agama yang jauh dari kesesatan, (turutlah terus) agama Allah ……..
(surah ar-Rum : ayat 30)

3. (c) Ramalkan keadaan individu yang mengingkari perintah Allah dalam ayat di atas.

_____

_____

_____

_____

_____

(4 markah)

BAHAGIAN D (8 MARKAH)

4. *(a)* Ibadah yang dilakukan ikhlas kerana Allah akan mendapat ganjaran pahala. Ibadah terbahagi kepada dua kategori.

   Nyatakan dua kategori ibadah tersebut.

   1. _____

   2. _____

(2 markah)

4. *(b)* Senaraikan dua contoh alat untuk bersuci.

   1. _____

   2. _____

(2 markah)

4. *(c)* Pilih jawapan yang disediakan.

Sunat	Makruh	Harus	Wajib	Haram

   i. Fitratul berpuasa pada setiap hari isnin dan khamis. _____

   ii. Nafisah suka bermain badminton bersama rakan-rakannya pada setiap petang. _____


   iii. Encik Fuad sendawa disebabkan makan buah durian sewaktu solat jumaat. _____

   iv. Rasya mengambil wuduk sebelum solat Subuh. _____

(4 markah)

BAHAGIAN E (12 MARKAH)

4. *(a)* Lengkapkan biodata Rasulullah SAW di bawah.



(2 markah)

5. *(b)* Tandakan (√) pada pernyataan yang betul dan (×) pada pernyataan yang salah.

i. Rasulullah telah berkahwin dengan Saidatina Khadijah dan dikurniakan enam orang anak. ☐

ii. Wahyu pertama yang diterima oleh Rasulullah ialah surah al-Fatihah. ☐

iii. Rasulullah pernah mengembala kambing bersama-sama saudara susuan. ☐

iv. Rasulullah lahir pada 12 Rabiul Awwal di Mekah. ☐

(4 markah)

5. *(c)* Jelaskan apakah pembaharuan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW semasa membina pemerintahan di Madinah?

_____

(2 markah)

6. *(a)* Akhlak terbahagi kepada dua iaitu, akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah. Nyatakan dua contoh akhlak mazmumah dengan manusia.

   1. _____

   2. _____

(2 markah)

6. *(b)* Terangkan implikasi jika seseorang itu tidak memelihara akhlak.

   _____

   _____

(2 markah)

.: Selamat Menjawab :.

Disediakan oleh :

……

(Nur 'Atiqah bt Rahmat)

Panitia Pendidikan Islam

SMK Convent Teluk Intan

Disemak oleh :

……

(Nurliana bt Junidin)

Ketua Panitia Pendidikan Islam

SMK Convent Teluk Intan